

<b>TARIKH</b>	JUMAAT, 3 FEBRUARI 2023
<b>AKHBAR</b>	BERITA HARIAN
<b>TAJUK ARTIKEL</b>	'TAK CAMPUR TANGAN BADAN SIASATAN, KEHAKIMAN'
<b>M/S</b>	2
<b>BIDANG</b>	MANAGEMENT
<b>KATA KUNCI</b>	

# 'Tak campur tangan badan siasatan, kehakiman'



Anwar pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Kabinet di Putrajaya, semalam. Turut serta, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

## Anwar tidak mahu ulangi sikap pentadbir terdahulu didakwa tekan penguat kuasa

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Ilah Hafiz Aziz  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim sekali lagi menegaskan kerajaan pimpinannya kekal bebas dan tidak campur tangan dalam mana-mana siasatan dikendalikan agensi penguat kuasa atau badan kehakiman.

Kata Perdana Menteri, pentadbiran sekarang tidak akan mengulangi sikap kerajaan terdahulu yang didakwa menekan badan-badan yang bertanggungjawab menjalankan siasatan sedemikian.

"Mesyuarat Jemaah Menteri hari ini (semalam) mengulangi penegasan untuk kekal bebas dalam siasatan dijalankan badan penguat kuasa dan kehakiman negara. Adalah tidak bertanggungjawab tokoh politik pem-

bangkang buat tohmahan Kerajaan Perpaduan campur tangan dalam urusan itu," katanya.

Bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Kabinet, di sini semalam, beliau berkata siasatan ke atas BERSATU dibuat berdasarkan laporan polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), selain maklumat disalurkan Kementerian Kewangan (MOF).

"Kita tidak gunakan badan (agensi penguat kuasa) ini," tegasnya mengulas siasatan ke atas BERSATU dan desakan bekas Ketua Setiausaha Sulit bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Dr Marzuki Mohamad supaya PKR dan DAP turut mendedahkan akaun masing-masing.

Anwar yang juga Presiden PKR merangkap Pengerusi Pakatan Harapan (PH) yang DAP satu daripada parti komponennya, menyatakan mereka tiada masalah untuk mendedahkan akaun seperti dikesak Marzuki.

"BERSATU tidak dedahkan akaun (parti), tetapi ia didedahkan oleh penyiasat. Kalau SPRM dapat laporan dan siasat, saya tiada masalah dan akaun diaudit itu dihantar ke Pendaftar Pertubuhan (ROS) mengikut jadual ditetapkan secara tahunan," katanya.

Kelmarin, Setiausaha Agung BERSATU, Datuk Seri Hamzah Zainudin, berkata parti itu kesal dengan tindak-tanduk kerajaan PH dan Barisan Nasional (BN) yang dituduhnya menjadikan agensi di bawah kerajaan sebagai alat untuk mencapai matlamat politik mereka.

Perdana Menteri berkata, perkara berkaitan perbelanjaan tinggi dan dana perlu dijelaskan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan seperti Jana Wibawa yang diluluskan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan projek tebatan banjir kerana didapati menelan belanja terlalu tinggi.

November lalu, Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli mendedahkan isu pelantikan Mangkubumi Sdn Bhd (Mangkubumi) sebagai kontraktor projek tebatan banjir Krubong-Durian Tunggal bernilai RM578.6 juta di bawah program Jana Wibawa.

"Ada laporan polis dibuat kepada PDRM dan SPRM mengenai penggunaan dana oleh BERSATU dan kedua, adalah tugas saya di MOF yang melihat projek membatik proses tanpa tender serta perbelanjaan tinggi.

"Kalau proses tender tidak dilakukan umpamanya dan kos itu tidak melambung, itu tidak menjadi isu. Kita bukan menghukum sesiapa," kata Anwar memberi

contoh dana yang diluluskan bagi projek seperti Program Jana Ekonomi Pemerkasaan Kontraktor Bumiputera Berwibawa (Jana Wibawa) dan tebatan banjir.

Anwar menegaskan, maklumat mengenai projek berkenaan disalurkan kepada SPRM dan siasatan oleh suruhanjaya itu tidak tertakluk kepada pandangannya, malah siasatan pihak berkuasa tidak terbatas kepada mana-mana parti politik, sebaliknya terpakai untuk semua.

### Beri penjelasan kepada SPRM

Pada masa sama, katanya lagi, parti politik yang mempunyai lebih RM300 juta dalam akaun parti harus memberi penjelasan kepada SPRM bagaimana ia boleh mengumpul dana sebanyak itu dalam masa singkat selain sumber ia diperoleh.

Beliau juga berharap pihak berkuasa terbabit lebih proaktif dan efisien selain bertindak segera dalam menangani isu salah guna kuasa dan rasuah kerana paksi pentadbiran ketika ini adalah berasaskan tadbir urus baik yang mahu menyinkirakan elemen berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, kerjasama strategik di antara kerajaan dengan swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) berupaya memperkasakan sektor

pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) negara.

Katanya, kerjasama strategik itu yang membatik Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA), antara lain melatih dan mengurus pelatih dengan menggunakan kepakaran sedia ada bagi memenuhi keperluan industri terbabit.

Ketika ini, TVET berada di bawah pelbagai kementerian seperti Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia, Giat MARA, Institut Kemahiran MARA (IKM) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengusulkan langkah segera diambil memandangkan sudah ada kajian serta jawatankuasa khas untuk memastikan generasi muda dilatih dan mendapat pekerjaan dengan pendapatan munasabah.

Anwar berkata, penubuhan jawatankuasa Kabinet berkaitan TVET dipengerusikan Timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi untuk mengenal pasti langkah tambahan, termasuk syarikat swasta bagi kerjasama berkenaan, sama ada secara sepenuhnya atau sebahagian daripada program terbabit.